


BUKU PANDUAN COVID-19 MUSLIM

CARA-CARA MENANGANI PANDEMIK COVID-19
DARI PANDANGAN ISLAM

DITERBITKAN DENGAN BANTUAN ILMUWAN DAN
DOKTOR PERUBATAN



Kandungan

PENGENALAN

- 3 Mukadimah
- 4 Zaman Kegemilangan

LANGKAH PENCEGAHAN

- 5-7 Lindungan Rohani
- 8 Tindakan proaktif yang berkesan

MENUNJUKKAN SIMPTOM

- 9 Langkah yang perlu diambil jika simptomatik
- 10 Kekal positif dan dekat dengan Allah s.w.t
- 11 Doa-doa sunnah semasa sakit
- 12 Menolong mereka yang simptomatik

BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

- 12 Langkah-langkah sebelum ke hospital
- 12 Tiga langkah utama
- 13-14 Taubat Nasuha
- 15-16 Solat semasa uzur/sakit
- 17-19 Berfikir baik tentang Allah

SEMASA DI HOSPITAL

- 20 Ibadah yang boleh dilakukan di hospital
- 20 Jika penyakit pulih
- 20 Semasa saat-saat kritikal
- 20 Anda tidak keseorangan
- 21 Kepentingan Laa ilaaha ill-Allah

BERURUSAN DENGAN MAUT

- 22-24 Langkah pertama bila mendengar berita
- 25 Menolong mereka yang hilang orang tersayang

MAJLIS PENGEBUMIAN

- 26 Mandi mayat
- 26 Mengkafan
- 27 Solat jenazah
- 29 Pengebumian
- 29 Selepas dikebumi

SELEPAS PENGEBUMIAN

- 30 Melawat tapak kubur
- 30 **Kata-kata penutup**

MUKADIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang.

Segala puji bagi Allah. Kami meminta penolongan dari-Nya, rahmat dan hidayah dari-Nya. Semoga Allah memuliakan rasul kami Muhammad, lindunginya dan rahmatinya.

Pandemik covid-19 telah merebak ke seluruh dunia, ia telah merubah gaya hidup manusia secepat. Termasuk komuniti muslim yang terkesan dengan pelbagai cara.

Kami menulis buku panduan ini dengan harapan untuk membantu komuniti muslim dan dengan bantuan Allah s.w.t boleh mengkongsi tips praktikal yang datang dari ajaran dan prinsip Islam.

Tujuan buku kecil ini adalah supaya kita dapat:

- Mengukuhkan iman dan taqwa kepada Allah s.w.t dalam waktu semasa.
- Meningkatkan persiapan kita untuk segala ketentuan illahi pada kita dan kaum keluarga.

Semoga Allah s.w.t mendekatkan kita kepada-Nya. Semoga kita dan umat Islam secepat dilindungi-Nya dari malapetaka. Kami juga memohon keampunan pada mereka yang telah menemui ajal. Semoga mereka kekal dalam rahmat Allah s.w.t.

Zaman Kegemilangan



Rasulullah ﷺ bersabda:

"Mereka yang kekal setempat semasa adanya wabak, bersabar, dan menuju ke arah illahi dan memahami bahawa tiada apa yang akan menimpa manusia melainkan yang telah ditentukan tuhan, sesungguhnya dia akan dilimpahi kurnia seperti mereka yang syahid"

[Saheeh Al-Bukhari (3474)]

**Ramai ilmuwan yang menyamakan wabak dengan pandemik. Dengan ketentuan Allah s.w.t dan sifat pemurahnya akan mengurniakan pahala yang sama seperti wabak dahulu kala.*

Untuk mendapat kurniaan ini:



1. Kekal setempat



2. Bersabar



3. Mencari ganjaran dari Allah



4. Yakin bahawa segala ketentuan dari illahi

Hadis ini merangkumi tiga kumpulan manusia:



Mereka yang mati disebabkan oleh penyakit



Mereka yang sedang pulih dari penyakit



Mereka yang tidak terjangkit langsung

[Fathul Bari (1/538)]

LANGKAH PENCEGAHAN

Perlindungan rohani

Solat subuh pada waktunya

Rasulullah ﷺ bersabda:
"Sesiapa yang solat subuh dia akan berada di bawah perlindungan Allah s.w.t"

[Saheeh Muslim (657)]



Solat Dhuha

Allah s.w.t berfirman: "Wahai anak-anak adam, Tunaikan 4 rakaat (solat dhuha) pada permulaan hari dan aku akan lengkapkan rezeki mu untuk hari itu"

[At-Tirmidhi (475) dan disyarahkan oleh Adh-Dhahabi dalam kitab As-Siyar (8/323)]

Notaan: Waktu dhuha bermula selepas terbit matahari dan berakhir 10 minit sebelum waktu Zohor. Ia boleh ditunaikan dengan 2 atau 4 rakaat.

Doa sunnah Rasulullah s.a.w sebelum keluar rumah

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Bismillaahi tawak'kal-tu 'alAllaah, wa laa hawla wa laa quwwata illaa billaah

Dengan nama Allah aku meletakkan kepercayaan dan keselamatan diriku pada mu. Tiada kuasa untuk melawan kejahatan melainkan dengan bantuan dan kebenaran mu.

"Sesiapa yang membaca doa ini bagai dikatakan kepadanya, 'Kamu telah diberi petunjuk, keperluan mu telah dipenuhi, kamu sedang dilindungi' dan dijauhi daripada syaitan"

[Abu Dawood, (5095) & disyarahkan oleh Ibn Al Qayyim dalam kitab Zad Al-Ma'ad (2/335)]

Doa sunnah Rasulullah s.a.w untuk mengekalkan rahmat

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ ، وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ
وَجَمِيعِ سَخَطِكَ

Allaahumma innee a'oodhu bika min zawaali ni'matik, wa tahaw-wuli 'aafiyatik, wa fujaa'ati niqmatik, wa jamee'i sakhatik

Ya Allah, Aku minta perlindungan mu daripada ditarik rahmat, perlindungan dan kesihatan tubuh badan yang telah engkau berikan. Janganlah engkau menukarnya kepada sakit-sakit, malapetaka, ataupun apa-apa yang engkau murkai.

[Saheeh Muslim (2739)]

Langkah-langkah pencegahan Perlindungan rohani

Doa sunnah berlingdung dari penyakit

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Allaahumma innee a'oodhu bika minal barasi wal-junooni wal-judhaami
wa min say'yi' il-asqaam

Ya Allah, lindungilah aku dari penyakit sopak, gila, kusta
dan penyakit-penyakit jahat yang lain.

[Abu Dawood (1554) & disyarahkan oleh An-Nawawi dalam buku Al-Adhkar (p.483)]

Doa sunnah untuk dilindungi daripada malapetaka

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

Allaahumma innee a'oodhu bika min jahdil balaa', wa darakish'shaqaa', wa
soo-il qadaa', wa shamaatatil 'a-daa'

Ya Allah, aku pohon perlindungan mu dari segala kesusahan ,
kesedihan dan kerosakan, dari semua nasib malang dan kejahatan
musuh-musuhku.

[Saheeh Al-Bukhari (6347)]

Doa Nabi Yunus

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Laa ilaaha illaa anta subh_haanaka innee kuntu min adh'dhaalimeen

Tidak ada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau,
sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim

Rasulullah ﷺ bersabda: "Tiada muslim yang membaca doa ini akan risau
melainkan Allah s.w.t memakbulkan permintaannya"

[Surah Al-Anbiya:87] & [At-Tirmidhi (3505) & disyarahkan oleh Ibn Hajr dalam kitab Al-Futuhaat Ar-
Rabbaaniyyah (4/11)]

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

Perlindungan rohani

Doa sunnah untuk pagi dan petang

Masa untuk peringatan di pagi adalah diantara fajar dan terbit matahari dan masa peringatan di kala petang dalah diantara Asar dan Marghrib

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Bismillaahil ladhi la yadur'ru ma'asmihi shay'un fil-ardi wa la fis'samaa'i
wa huwas-samee'ul 'aleem

Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya tiada apa di langit dan di bumi yang mampu membuat kerosakan tanpa izin-nya, Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui

"Barangsiapa yang membaca ayat ini tiga kali di masa pagi dan petang, tiada apa keburukan berlaku kepadanya"

[At-Tirmidhi (3388)]

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي
وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي، وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي، وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ، وَمِنْ
خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي، وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

Allaahumma innee as-alukal 'aafiyata fid'dunya wal aakhirah, Allaahumma innee as-
alukal 'afwa wal'aafiyata fee deenee wa dunyaaya wa ahlee wa maalee,
Allaahum'mastur 'awraatee wa aamin raw'aatee, Allaahummahfadhneen min bayni
yaday'ya, wa min khalfee wa 'an yameenee wa 'an shimaalee, wa min fawqee, wa
a'oodhu bi'adhamatika an ughtaala min tahtee

Ya Allah, aku aku minta perlindungan,
keselamatan dari-Mu , di dunia dan akhirat. Ya Allah aku mohon pengampunan dari
kecuaianku dan kurniakan aku perlindungan dan kekuatan iman, permudahkan urusan
duniawi ku, keluarga ku dan limpahkanlah rezeki ku. Ya Allah, jagalah aib dan
kekuranganku serta lindungilah aku dari kerisauan. Ya Allah lindungilah aku
dari segala di depanku, di belakangku, dari kiri dan kanan, dari atas dan aku
pinta perlindungan mu yang Maha Kuasa dari serangan dari bawah.

Sunnah dibaca sekali pada pagi dan petang


[Abu Dawood (5074) & disyarahkan oleh An-Nawawi dalam buku Al-Adhkar (p.111)]

LANGKAH PENCEGAHAN


Tindakan proaktif yang berkesan

	1. Jauhkan diri dari tempat-tempat berpenyakit
	2. Jangan keluar dari rumah melainkan kepentingan <ul style="list-style-type: none">• Jika perlu keluar, kurangkan kekerapan
	3. Jarakkan diri diantara satu sama lain <p>"Jauhkan diri dari mereka(berpenyakit sopak) bagai lari daripada singa" <small>[Saheeh Al-Bukhari (5707)]</small></p> <ul style="list-style-type: none">• Jika anda perlu meninggalkan barang-barang, letakkan di depan pintu dan tidak bersentuh atau dekat dengan mereka• Cuba jarakkan diri sekurang-kurangnya 2 meter dari orang ramai

Jika anda keluar rumah...



A. Memakai kelengkapan yang sesuai dan buang selepas diguna



B. Elakkan menyentuh mata dan hidung




C. Membasuh dan mengguna cecair/gel pembersih

MENUNJUKKAN SIMPTOM


Langkah-langkah yang perlu diambil apabila simptomatik

MENGASINGKAN DIRI!



Jika anda atau keluarga anda menunjuk simptom-simptom covid-19 sangat penting untuk anda sekeluarga mengasingkan diri secepat mungkin untuk menghalang ia merebak. Dapatkan informasi terkini dan protokol yang betul dari pihak berkuasa tempatan. Simptom utama covid-19 adalah: Suhu badan yang tinggi, batuk berterusan dan tegar, Hilang deria bau atau rasa atau kedua-duanya sekali

Aktiviti yang boleh dibuat apabila mengasingkan diri...



Lebihkan solat sunat



Membaca Al-Quran



Beringat dengan ajaran




**Renung /
menulis journal**



**Mengingati Allah dan
berdoa kepada-Nya**



**Membaca buku-buku
ilmiah**



**Bercakap dengan
keluarga**



Senaman ringan



**Belajar kemahiran baru
dengan menggunakan
internet**



**Peka untuk sentiasa
minum air dan rehat
secukupnya**

Percaya dan bertawakkal kepada Allah s.w.t, ikuti petunjuk pekerja kesihatan dan jangan biarkan kerisauan melambatkan anda daripada meminta pertolongan segera, jika anda memerlukannya.

MENUNJUK SIMPTOM

Kekal positif dan berhubung dengan tuhan

Ia (sakit) boleh menghapuskan dosa!

Rasulullah ﷺ bersabda: "...penderitaan akan terus melanda insan sehingga dia ada di bumi ini tanpa dosa.""

[At-Tarmizi (2398)]

Tanda cinta Allah s.w.t

Rasulullah ﷺ bersabda: "Ketika Allah s.w.t mengasihi seseorang, Dia menguji mereka dengan penderitaan."

[At-Tirmidhi (2396) & disahkan oleh Ibn Muflih di dalam Al-Adaab Ash-Shar'iyah (2/181)]

Mungkin Allah mengurniai darjat khas menanti anda di Syurga

Rasulullah ﷺ bersabda: "...seseorang mungkin berstatus / berdarjat istimewa di sisi Allah yang tidak dapat dia perolehi dengan melakukan perbuatan baiknya sendiri sehingga Allah terus menimpa dia dengan rasa tidak selesa hingga dia memperoleh status dan darjat itu.""

[Saheeh Ibn Hibaan (2908) & disahkan oleh Al-Haitami di dalam Az-Zawajir (1/164)]

Semasa akhirat, ramai yang berharap mereka diuji di dunia ini

Rasulullah ﷺ bersabda: "Dalam kehidupan berikutnya, mereka yang selamat, sehat, aman, kesejahteraan dan dilindungi akan berharap kulit mereka dipotong dengan gunting, ketika mereka melihat pahala yang luar biasa bagi mereka yang dilanda penderitaan."

[At-Tirmidhi & disahkan oleh As-Suyuti dalam Al-Jami As-Sagheer (7721)]

MENUNJUK SIMPTOM

Doa-doa sunnah untuk dibaca semasa sakit

Bacalah Surah Al-Fatihah

Surah Al-Fatihah adalah rawatan dan penawar rohani dan jasmani

[Saheeh Al-Bukhari (2276)]

Du'a untuk menyembuhkan penyakit

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَاسَ، وَاشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءَ لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

Allaahumma Rabban-naasi adh-hibil bas, washfi antash-shaafi, laa shifaa-a illaa shifaa-uk, shifaa-an laa yughaadiru saqamaa

Hapuskan rasa sakit, hilangkan rasa tidak selesa, Ya Tuhan sekalian manusia! Sembuhkan kesakitan ini kerana hanya Engkau yang memberikan penawarnya. Tidak ada penawar kecuali yang diberikan oleh Mu, berikan penawar yang tidak meninggalkan kesakitan atau ketidakselesaan.

[Saheeh Al-Bukhari, (5351)]

Doa untuk melegakan sakit

بِسْمِ اللَّهِ

Bismillaah

Dengan nama Allah, aku meminta pertolongan-Nya, keberkatan-Nya dan perlindungan-Nya

Notaan: Letakkan tangan anda di mana merasa sakit dan baca 3 kali dalam bahasa Arab.

أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ

A'oodhu billaahi wa qudratihi min sharri maa ajidu wa uhaadhir

Aku meminta perlindungan dari Allah dan dengan kuasa-Nya dari bahaya yang aku rasakan dan yang membimbangkan diriku.

Notaan: Letakkan tangan anda di mana merasa sakit dan baca 7 kali dalam bahasa Arab.

[Saheeh Muslim, (2202)]

MENUNJUK SIMPTOM

Membantu mereka yang bersimptom

1. Mohon Allah
sembuhkan
mereka

2. Minta tolong
mereka di doakan
oleh orang lain

*An-Nawawi mengesahkan ia
diterima

[An-Nawawi dalam Al-Adhkar
(p.643)]

3. Memberi sedekah
dengan harapan ia
akan membantu
(sedekah makanan, pakaian
dan sebagainya.)

[Saheeh Muslim (901)]

4. Membantu mereka
yang perlu, sambil
memastikan
keselamatan diri dan
orang lain

5. Pastikan mereka
masih ada harapan,
kegembiraan dan
keyakinan di dalam
hati

BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Sebelum pergi ke hospital

Tiga langkah utama

la lebih baik kita terlalu bersedia daripada kurang bersedia. Mengambil langkah berjaga-jaga yang betul pada keadaan ini akan memastikan anda meninggalkan rumah tanpa penyesalan.

1. Meninggalkan
kaum keluarga
dengan
nasihat-nasihat
dari diri



2. Bertaubat -
taubat nasuha
(lihat halaman
seterusnya untuk
keterangan lebih
lanjut)



3. Tuliskan wasiat
anda dan kongsi
apa-apa
kehendak yang
anda mahu
dilaksanakan
oleh ahli keluarga
anda

APABILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Membuat taubat sepenuhnya (Nasuha)

Taubat Umum

Membuat pertaubatan umum memastikan pengampunan atas semua dosa seseorang, walaupun mereka tidak mengingat setiap dosa tersebut, asalkan:

- 1- jika mereka teringat dosa itu, mereka akan bertaubat daripadanya
- 2- individu itu tidak mempunyai hubungan atau sayang akan dosa tersebut.

- Ibn Taymiyyah

[Al Fataawa Al-Kubra (5/279)]

Taubat mempunyai dua bahagian:

1) Hak-hak Allah

Syarat-syarat untuk Hak-hak Allah:



1. Ikhlas kepada Allah



2. Berhenti melakukan dosa tersebut



3. Menyesali dosa tersebut



4. Memegang tekad yang kuat untuk tidak mengulangi dosa



5. Sebelum melihat Malaikat Maut atau di hujung ajal

[Sharh Muslim oleh An-Nawawi (9/20-21), Al-Madaarij (1/192) & Tafseer Ibn Kathir (2/236)]

APABILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Membuat taubat sepenuhnya (Nasuha)

2) Hak-hak ciptaan Tuhan

Ia memerlukan syarat-syarat yang dinyatakan di halaman sebelumnya dan pentaubat harus memperbetul kesalahan yang mereka lakukan pada orang tersebut, terdapat dua kategori berikut

A. Harta hak milik

- Jika kesalahan adalah mengambil atau meminjam barang, ia harus dipulangkan.
- Jika barang tersebut sudah hilang atau tidak boleh diambil balik sesuatu yang sama harus digantikan.
- Jika benda yang sama tidak dapat dicari maka harganya di dalam matawang harus dibayar.
- Jika mangsa itu sudah meninggal atau tiada, ganti kepada warisnya.
- Pengganti itu muslim: Jika masih gagal jumpa atau hubungi, sedekahkan nilai itu ke badan amal bagi pihak mereka.
- Pengganti itu bukan muslim: Jika masih gagal jumpa atau hubungi, sedekahkan nilai itu ke badan amal tapi tidak wajib untuk pemberian itu bagi pihak mereka.

B. Integriti Peribadi / Maruah

- Wajib meminta maaf dari semua yang telah disalahkan samada dari segi fizikal atau kata-kata seperti mencarut, mengutuk, menfitnah dan menuduh.
- Terbaik adalah dengan meminta maaf depan mata terus kepada orang yang terlibat
- Walaubagaimanapun, boleh juga memohon ampun dari Allah s.w.t supaya dosa itu dimaafkan JIKA:
 - 1) orang itu tidak menyedari bahawa anda telah menzalimi mereka / meminta maaf akan menyebabkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan
 - 2) tiada cara untuk menghubungi mereka
- Drafkan mesej atau nota suara untuk dihantar kepada orang terlibat secepat mungkin. Anda boleh menolong saudara-mara tua yang perlu melakukan ini dengan membantu mereka membuat mesej.
- Contoh pesanan: "Saya percaya, saya mungkin telah mengutuk atau menganggap negatif terhadap anda, bolehkah anda memaafkan saya ?..."

BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Solat semasa sakit / uzur

Rasulullah ﷺ bersabda: "Perbuatan pertama di mana seseorang akan diperhitungkan pada hari kiamat adalah solatnya. Sekiranya itu baik maka dia akan berjaya dan selamat, tetapi jika itu buruk maka dia dalam kerisauan"

[At Tirmidhi (413) & disyarahkan oleh An-Nawawi dalam Al-Majmoo' (4/55)]

Oleh itu, sangat mustahak bahawa seseorang tidak mengabaikan solat pada waktu penting ini.

Pastikan semua bahan-bahan ini terdapat dalam beg hospital...

- Telefon Pintar (dengan aplikasi kiblat dan waktu solat)
 - Warga tua patut belajar cara-cara menggunakan telefon pintar, e.g. Membuat panggilan video, mengcaj telefon, menggunakan aplikasi dan sebagainya..
- Batu untuk tayammum
 - Apa-apa batu asli dari bumi.
- Sejadah, peralatan mandian, baju-baju dan selipar



Wuduk & Tayamum (mengangkat hadas kecil dengan air atau kering)

Mengambil wuduk seperti biasa jika ada air atau air boleh diangkat

Jika sedang menggunakan topeng oksigen dan ia tidak boleh dibuang, sah untuk menyapu atas topeng tersebut.

Lakukan tayamum jika ada sebab-sebab ini:

- Tidak ada simpanan air mutlak.
- Tidak dapat pergi ke punca air mutlak.
- Menggunakan air boleh memudaratkan atau memperlahankan pemulihan.

Melakukan tayamum...

1



Gosokkan tangan anda pada batu tayamum

2



Tepuk / sapu muka anda

3



Gosokkan tangan anda pada batu tayamum

4



Lalu sapu lengan hingga ke siku dengan tangan tersebut.

Tayamum ini selesai

[As-Sunan Al-Kubra oleh Al-Baihaqi (1/206)]

BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Solat semasa uzur/sakit

Cara sembahyang...

Solat seperti biasa jika mampu.

Jika tidak, solat sambil duduk.

Jika tidak, solat mengiring sambil muka dan dada menghadap kiblat (menghala ke Mekah). Jika mampu, mengiring di atas rusuk kanan lebih afdal.

Jika tidak mampu, solat sambil baring dan kaki melunjur ke arah kiblat. Jika tidak mana-mana arah juga boleh.

Cara rukuk dan sujud semasa solat duduk:

- Rendahkan kepala dan bongkokkan badan semasa rukuk dan sujud
- Jika tidak mampu bongkokkan badan, merendahkan kepala juga boleh

Cara rukuk dan sujud semasa solat mengiring/baring:

- Rendahkan kepala semasa rukuk dan sujud.
- Bezanya adalah semasa sujud kepala direndahkan lebih sedikit daripada semasa rukuk.

BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Berfikir baik tentang Allah

Sangat penting pada masa ini untuk berfikir baik tentang Allah pada saat-saat genting.

Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ بِاللَّهِ الظَّنَّ

“Apabila ada di antara kamu yang hampir ke akhir hayat, mereka seharusnya hanya mempunyai pemikiran yang terbaik tentang Allah.”

[Saheeh Muslim (2877)]

Para cendekiawan berkata: "Yang dimaksudkan dengan berpikir positif kepada Allah, adalah berpikir bahawa Dia akan mengasihani kamu dan mengampuni kamu."

[Sharh Muslim (17/210)]

Berfikir baik tentang Allah

1. Manfaat ingin bertemu Allah

Rasulullah ﷺ bersabda: "Orang yang mahu bertemu Allah, Allah mahu bertemu dengannya."

[Saheeh Al-Bukhari (6507) & Saheeh Muslim (2684)]

2. Kesakitan akan dilupakan sepenuhnya

Rasulullah ﷺ bersabda: "On Pada Hari Kebangkitan, seorang yang paling menderita dari kalangan umat manusia sejak awal hingga akhir hidupnya dari segi keletihan, kesakitan, penyakit, penindasan, kehinaan, penghinaan dan kemiskinan. Orang ini akan dibawa dan dicelupkan sekali ke dalam Syurga, dan akan dikatakan kepadanya: 'Wahai Anak Adam, adakah kamu pernah melihat sesuatu yang buruk? Adakah kamu pernah mengalami kesukaran?' Dia akan berkata: 'Tidak, demi Allah, ya Tuhan. Saya tidak pernah melihat sesuatu yang buruk dan saya tidak pernah mengalami kesusahan.'"

[Saheeh Muslim (2807)]

BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Berfikir baik tentang Allah

3. Bagi orang yang telah bertaubat sepenuhnya, pemergiannya akan menjadi indah dan penuh keyakinan

Mereka juga akan bertemu dengan ahli keluarga mereka yang soleh. Ini terbukti dalam riwayat kenabian bahawa jiwa orang-orang beriman bertemu satu sama lain setelah mati.

[An-Nasaa'i (1833) & disyarahkan oleh Ibn Taymiyyah in Al-Fatawaa (5/449)]

4. Dalam kubur

Rasulullah ﷺ bersabda: "Orang yang beriman yang akan bergolong dengan ahli-ahli Syurga (termasuk mereka yang bertaubat sepenuhnya sebelum meninggal) akan melihat tempatnya di Syurga setiap pagi & setiap petang ketika berada di dalam kuburnya."

[Saheeh Al-Bukhari (1379) & Saheeh Muslim (2866)]

5. Kebertanggungjawaban pada Hari Kebangkitan

"Ketika Rasulullah ﷺ melihat seorang wanita yang kehilangan bayinya, dan ketika dia menjumpai anaknya, dia memeluknya dan memberi makan kepadanya. Rasulullah s.a.w berkata kepada para sahabatnya, 'Apakah menurut anda wanita ini akan membuang anaknya ke dalam api?' 'Kami berkata,' Tidak, demi Allah ... 'Rasulullah s.a.w bersabda,' Allah lebih pengasih dan penyayang kepada hamba-hambanya daripada wanita ini terhadap anaknya'."

[Saheeh Al-Bukhari (5653) & Saheeh Muslim (6921)]



BILA SIMPTOM SEMAKIN MELARAT

Berfikir baik tentang Allah

6. Rahmat Allah pada hari kiamat

Rasulullah ﷺ bersabda: "Allah mempunyai seratus bahagian rahmat, di antaranya Dia menurunkan satu yang dibagikan antara jin, manusia, binatang dan serangga, dengan cara yang mereka saling mengasihani dan belas kasihan satu sama lain dan dengan cara itu haiwan liar baik kepada keturunannya. Allah telah menyimpan sembilan puluh sembilan bahagian rahmat untuk dikasihani hamba-hamba-Nya pada hari kiamat."

[Saheeh Muslim (6908)]

7. Di Syurga...

Rasulullah ﷺ memberitahu kami: "Seorang penyiar akan memanggil ahli-ahli Syurga" Anda akan sihat dan tidak akan jatuh sakit; anda akan hidup dan tidak akan mati; anda akan kekal muda dan tidak akan menjadi tua; anda akan merasa gembira dan tidak akan merasa sedih"

[Saheeh Muslim (2827)]

8. Sekiranya mereka masih risau setelah bertaubat...

"Rasulullah ﷺ berjumpa seorang pemuda ketika dia sedang nazak, dan berkata kepadanya: Bagaimanakah kamu? Dia berkata: Saya mempunyai harapan kepada Allah, tetapi saya takut kerana dosa-dosa saya. Rasulullah ﷺ bersabda:" Kedua perasaan (ketakutan dan harapan) ini tidak wujud dalam hati seseorang dalam situasi ini, melainkan Allah akan memberikan apa yang dia harapkan dan menjaga dia dari apa yang ditakuti.

[At-Tirmidhi (983) & disyarahkan oleh Al-Mundhiree dalam At Targheeb wat Tarheeb (4/214)]



SEMASA DI HOSPITAL

Ibadah yang boleh dibuat di hospital

- Bersabar
- Berfikir baik tentang Allah
- Kerap meminta ampun
- Menjaga dan awalkan solat fardu
- Sentiasa berdoa dan banyakkkan zikir

Jika pulih dari penyakit...

**Bersyukur
kepada Allah**

**Melakukan Sujud
Syukur**

**Jangan berhenti dan
sentiasa berdoa**

Sekiranya keadaan tidak bertambah baik, kekal sabar, lakukan yang terbaik dan ikuti nasihat yang disebutkan di bahagian-bahagian sebelum ini, dan siapkan diri anda untuk kemungkinan situasi menjadi kritikal.

Semasa saat-saat genting

Anda tidak keseorangan

Penting untuk kita ingati bahawa kaum Muslim tidak pernah bersendirian. Terdapat dua malaikat (satu di belakang dan satu di hadapan) yang dilantik untuk menjaga dan melindungi orang yang beriman sehingga tiba masanya orang itu meninggalkan dunia ini.

[Tafseer Ibn Katheer (8/115)]

Rasulullah ﷺ memberitahu kami: Pada saat kematian, sekelompok besar malaikat akan membawa minyak wangi dan kafan putih yang indah dari syurga. Malaikat Maut duduk dengan orang beriman, dan berkata, 'Wahai jiwa yang baik, datanglah keampunan dari Allah dan keredhaan-Nya.' Kemudian jiwa itu keluar dengan cara yang sangat tenang; para malaikat mengambil jiwa dari Malaikat Maut kemudian mereka meletakkannya di kafan syurgawi dan menyapukan minyak wangi syurga itu. Selepas itu, mereka naik dengan semangat menuju ke langit. Di langit, jiwa mereka bersatu kembali dengan ahli keluarga mereka yang soleh yang telah wafat.

[Sahih Ibn Hibban & authenticated by Ibn Taymiyyah in al-Fatawa (3/449) & Sharab Al-Iman (1/500) by Al-Baihaqi & authenticated by him]

SEMASA DI HOSPITAL

Kepentingan Kalimah "*Laa ilaaha ill-Allah*"

Rasulullah ﷺ bersabda:

(لَقُّنُوا مَوْتَكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)

"Arahkan orang yang nazak untuk mengatakan *La ilaha ill-Allah* [Tidak ada yang layak disembah kecuali Yang Maha Esa (Allah)]"

[Saheeh Muslim (916)]

Kebajikan mengatakan *Laa ilaaha ill-Allah* sebelum berangkat

Sekiranya pernyataan akhir orang beriman adalah *Laa ilaaha ill-Allah* sebelum dia meninggal dan dia berniat untuk bertaubat atas semua dosanya sambil membuat pernyataan ini, maka diharapkan semua dosanya akan diampuni. Ini akan menjadi pengakhiran yang mulia untuk hidupnya, dia akan diselamatkan dari sebarang hukuman dan akan terus dimasukkan ke dalam Syurga. Walau bagaimanapun, ini adalah dengan syarat bahawa dia telah menyelesaikan semua hutang yang ada pada orang lain, kewangan dan sebagainya

[Sharh Muslim oleh An-Nawawi (1/220)] & [Fathul Bari (3/110) & (10/283)]

Adakah anda mesti mengulang ucapan "*Laa ilaaha ill-Allah*"?

An-Nawawi berkata:

Para cendekiawan telah mengatakan: "Sekiranya dia mengatakannya sekali, dia tidak perlu diingatkan lagi kecuali dia mengatakan sesuatu yang lain setelah itu, dalam hal ini dia harus diingatkan lagi supaya ucapan itu menjadi perkara terakhir yang dia katakan."

[Sharh Muslim oleh An-Nawawi (6/219)]

Ketika 'Abd-Allah Ibn Al-Mubarak meninggal, seorang lelaki mulai mendorongnya: "Katakanlah, '*Laa ilaaha ill-Allah*.' Lelaki itu berterusan sehingga dia mengalah. Ibn Al-Mubarak berkata: "Apa yang anda lakukan tidak baik, saya takut (jika saya tidak menasihati anda) bahawa anda mungkin mengganggu seorang Muslim selepas saya. Apabila anda meminta saya dan saya menjawab dengan '*Laa ilaaha ill-Allah*' dan saya tidak mengatakan apa-apa lagi selepas itu, maka jangan meminta saya lebih jauh. Tetapi jika saya bercakap setelah itu, doronglah saya lagi, agar '*Laa ilaaha ill-Allah*' mungkin menjadi kata terakhir saya. "

[Siyar A'laam An-Nubalaa (8/418)]

BERURUSAN DENGAN MAUT

Langkah pertama apabila mendapat berita

1. Bersabar

Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى

Kesabaran sejati itu apabila penderitaan melanda."



[Saheeh Al-Bukhari (1283) dan Saheeh Muslim (926)]

Ibn Hajr mengatakan pernyataan ini bermaksud:

"Sekiranya seseorang dapat menunjukkan kesabaran pada awal penderitaan ketika mereka akan merasa terharu dengan rasa panik dan tidak sabar, maka itu adalah kesabaran yang sempurna yang membawa kepada pahala."

[Fathul Bari (3/149)]

Ketika mendengar tentang kematian orang yang disayangi, seseorang harus mengelakkan diri daripada membenci Allah. Seseorang tidak boleh:

- Rasa tidak puas hati atau marah kepada Allah atau ketetapan-Nya
- Menyatakan rasa tidak puas hati secara lisan, seperti dengan meratap atau mempersoalkan keadaan
- Tunjukkan rasa tidak puas hati secara fizikal melalui tindakan seperti menampar pipinya, merobek pakaian mereka atau mencabut rambut mereka

Sebaliknya, seseorang harus bersabar:

- Seseorang mungkin merasa terharu oleh penderitaan yang membebankan dan tidak menyukainya, tetapi mereka harus menanggungnya dengan sabar dan tabah
- Mereka mungkin tidak menyukai apa yang mereka lalui semasa kesusahan, tetapi iman mereka melindungi mereka dari menjadi tidak puas hati

BERURUSAN DENGAN MAUT

Langkah pertama apabila mendapat berita

2. Bacalah doa ini

Doa sunnah apabila kehilangan

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، اللَّهُمَّ اجْرِنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا
Innaa lillaahi wa innaa ilayhi raaji'oon.

Allaahumma'jurni fee musibatee wa akhlif lee khairan minhaa

Sesungguhnya, kita adalah milik Allah dan kepada-Nya kita akan kembali. Ya Allah, balaslah saya atas penderitaan saya dan gantikannya dengan yang lebih baik.

Ummu Salamah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Tidak ada penderitaan yang menimpa seorang Muslim dan dia bertindak balas dengan mengatakan [doa di atas], Allah akan memberi pampasan kepadanya dengan sesuatu yang lebih baik dari itu."

[Saheeh Muslim (918)]

Doa sunnah untuk mereka yang telah wafat

Jika si mati lelaki:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِ [nama seseorang]

وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ، وَأَخْلِفْهُ فِي عَقْبِهِ فِي الْغَابِرِينَ، وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،
وَأفْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ، وَنَوِّرْ لَهُ فِيهِ

*Allaahummagh-fir li-(mention name)- warfa' darajatahu fil-mahdiyyeen,
wakhluflu fee 'aqibihi fil-ghaabireen, waghfir lanaa wa lahu yaa rabbal
'aalameen wafsah lahu fee qabrih, wa nawwir lahu feeh.*

Jika si mati perempuan:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِ [nama seseorang]

وَارْفَعْ دَرَجَتَهَا فِي الْمَهْدِيِّينَ، وَأَخْلِفْهَا فِي عَقِبِهَا فِي الْغَابِرِينَ، وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهَا يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،
وَأفْسَحْ لَهَا فِي قَبْرِهَا، وَنَوِّرْ لَهَا فِيهِ

*Allaahummagh-fir li-(mention name)- warfa' darajatahaa fil-mahdiyyeen,
wakhluflaha fee 'aqibihaa fil-ghaabireen, waghfir lanaa wa lahaa yaa rabbal
'aalameen wafsah lahaa fee qabrihaa, wa nawwir lahaa feeh.*

"Ya Allah! Ampunilah [nama seseorang] tingkatkan tempatnya di antara mereka yang mendapat petunjuk yang benar; dan jaga keluarganya yang telah ditinggalkannya. Ya Tuhan semesta alam! Maafkan dia dan kami, jadikan kuburnya luas, dan letakkan cahaya di dalamnya."

[Saheeh Muslim (920)]

BERURUSAN DENGAN MAUT

Langkah pertama apabila mendapat berita

3. Minta ampun untuk mereka

Mencari pengampunan untuk ibu bapa & orang lain juga

Rasulullah ﷺ bersabda: "Seseorang akan ditinggikan darjatnya di Syurga dan akan bertanya: "Dari mana asalnya? " Dan akan dikatakan kepada mereka: "Dari anakmu mendoakan pengampunan untukmu."

[Ibn Maajah (3660) & disyarahkan oleh Ibn Katheer dalam Tafseernya (7/409)]

Sekiranya anda merasa bersalah bahawa anda menyalahi mereka...

Ibnu Taimiyah berkata:

"Sekiranya seorang hamba menyalahi anggota keluarga, anak-anak, jiran atau saudara kandung mereka, maka dia harus membuat doa untuk mereka & meminta pengampunan bagi mereka."

[Majmoo Al-Fataawa (11/698)]

4. Bersedekah bagi pihak mereka

Terdapat kesepakatan di antara para ulama bahawa amal dapat memberi manfaat kepada si mati.

[Sharh Muslim oleh An-Nawawi (4/70)]

Sebaiknya sedekahkan kepada sesuatu yang akan menjadi sumber amal berterusan bagi mereka. Contoh projek amal berterusan adalah: Masjid, telaga, pam air, dan lain-lain. Anda boleh menyediakan halaman derma dalam talian untuk mengumpulkan derma dari rakan dan ahli keluarga yang lain. Banyak badan amal dapat membantu anda menyediakannya.

BERURUSAN DENGAN MAUT

Membantu insan yang lain dan tidak memberatkan mereka




1. Mengucap takziah & menenangkan mereka

- Sambil memastikan bahawa garis panduan jarak sosial dipatuhi



2. Berdoa untuk mereka




3. Membantu di kala masa yang sukar ini

- Anda boleh membantu mereka dari segi kewangan mereka, kos pengebumian atau tugas-tugas yang mungkin perlu
- Tawarkan sokongan emosi dengan bertegur sapa dan menenangkan mereka



4. Menderma bagi pihak mereka

[Sharh Muslim oleh An-Nawawi (4/70)]



5. Mengatur supaya mereka ada makanan

- Mendapat kebenaran dan mencari masa yang sesuai bagi mereka
- Menghantar makanan ke rumah si mati adalah satu aktiviti yang digalakkan oleh Rasulullah ﷺ

[At Tirmidhi (998) & disyarahkan oleh dia]

MAJLIS PENGEBUMIAN

Ibnu Qudamah berkata:

"Adapun orang yang mendapat pahala mati syahid yang tidak terbunuh, seperti orang yang meninggal kerana sakit perut, orang yang meninggal akibat wabak, orang yang lemas, orang yang dihempap oleh tembok yang jatuh dan wanita yang mati semasa melahirkan anak, mereka harus dibasuh dan doa pengkebumian harus dimakbulkan untuk mereka. Kami tidak mengetahui perbezaan pendapat ilmiah mengenai hal ini ... "

[Al-Mughni (2/204)]

Mandi Mayat*

- Syarat wajib adalah supaya air membasahi seluruh tubuh badan

[Al-Mabsoot (2/229), Al-Fawakih Ad-Dawani (2/668), Tuhfatul Muhtaj (3/98) & Kashaf Al-Qinaa (2/93)]

- Sekiranya ada kerisauan bahawa orang akan dijangkiti penyakit semasa mencuci mayat itu, mereka harus melakukannya dengan berhati-hati sambil memakai pelindungan yang betul.
- Jika mayat tidak boleh dibasahi atau dimandi, gunalah tayamum dengan tanah atau batu.

Mengkafan*

- Syarat sah mengkafan ialah sehelai kain yang menyeluruh (satu badan)

[Saheeh Al-Bukhari (4047), Saheeh Muslim (940), Haashiya Ibn 'Aabideen (3/98); Mawaahib Al-Jaleel (2/266); & Al-Mughni (3/386)]

- Jika kain tidak mencukupi panjangnya, cuba untuk merangkumi aurat si mati.


*Harap maklum: Amalan mencuci dan mengkafan mungkin berbeza bergantung pada upacara pengkebumian setempat. Ikuti garis panduan keselamatan sambil memastikan bahawa hak agama dilaksanakan dengan betul.

MAJLIS PENGEBUMIAN

Solat Jenazah

Cara menyelesaikan solat jenazah

1. Berdiri dan katakan "Allahu akbar"
2. Kemudian bacalah Surah Al-Fatihah atau doa Thanaa / Istiftah
3. Kemudian sebut "Allahu akbar" kali kedua
4. Diikuti oleh Allahumma salli 'alaa Muhammad (Selawat ke atas Nabi - Ibrahimiyah/Durood sharif)
5. Kemudian ucapkan "Allahu akbar" kali ketiga
6. Kemudian bacakan doa-doa sunnah berikut:



Jika si mati itu lelaki:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ، وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ، وَاعْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَأَعِدْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ النَّارِ

Allaahummaghfir lahu warhamh, wa 'aafihi wa'fu 'anh, wa akrim nuzulah, wa wassi' mudkhalah, waghsilhu bilmaa'i waththalji walbarad, wa naqqihi minalkhataayaa kamaa naqqaytath-thawbal-'abyada minad-danas, wa 'abdilhu daaran khayran min daarih, wa 'ahlan khayran min 'ahlih, wa zawjan khayran min zawjih, wa 'adkhillul-jannah, wa 'a'idhhu min 'adhaabil-qabri wa 'adhaabin-naar.

[Saheeh Muslim (963)]

Jika si mati itu perempuan:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا، وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا، وَأَكْرِمْ نُزُلَهَا، وَوَسِّعْ مَدْخَلَهَا، وَاعْسِلْهَا بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهَا مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهَا، وَأَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ، وَأَعِدْهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ النَّارِ

Allaahummaghfir lahaa warhamhaa, wa 'aafihaa, wa'fu 'anhaa, wa akrim nuzulahaa, wa wassi' mudkhalahaa, waghsilhaa bilmaa'i waththalji walbarad, wa naqqihaa minalkhataayaa kamaa naqqaytath-thawbal-'abyada minad-danas, wa 'abdilhaa daaran khayran min daarihaa, wa 'ahlan khayran min 'ahlihaa, wa zawjan khayran min zawjihaa, wa 'adkhillal-jannah, wa-a'idhhaa min 'adhaabil-qabri wa 'adhaabin-naar.

[Saheeh Muslim (963)]

MAJLIS PENGEBUMIAN

Solat Jenazah

Terjemahan du'a pengebumian:

"Ya Allah ampunkan dia dan kasihanilah dia dan berikan perlindungan kepadanya dan maafkan dia. Bersikap pemurahlah kepadanya dan bukakan pintu masuknya dengan luas dan sucikan nya dengan air, salji dan hujan es. Ampunkan dosa-dosanya seperti kain putih yang bersih dari noda. Beri dia tempat tinggal yang lebih baik daripada rumahnya, dan keluarga yang lebih baik daripada keluarganya dan pasangan yang lebih baik daripada pasangannya. Bawa dia ke Syurga dan lindungi dia dari azab kubur dan dari azab api neraka."

[Saheeh Muslim (963)]

7. Kemudian sebut "Allahu akbar" kali keempat

[Musnad Ash-Shaafi'ee (588) & disyahkan oleh Al-Baihaqi dalam As-Sunan Al-Kubra (4/39)]

8. Kemudian ucapkan "Assalamu'alaykum wa rahmatullah" sekali di sebelah kanan anda & anda juga boleh melakukan satu di sebelah kiri untuk menyelesaikan solat

Perkara lebih lanjut mengenai solat jenazah

- Boleh elakukan solatjenazah di tanah perkuburan.
- Jumlah minimum orang yang diperlukan untuk solat jenazah adalah seorang Muslim [Fathul Mun'im (4/243)]
- Topeng boleh dipakai semasa menunaikan solat.
- Meninggalkan jurang antara jamaah juga disarankan semasa wabak
- Ada hadis menyatakan: Setiap kali seorang muslim meninggal dan 40 muslim yang tidak menyekutu Allah melakukan solat jenazah ke atas mereka, Allah akan mengizinkan mereka untuk memberi syafaat bagi pihaknya, (Artinya Dia akan menerima doa mereka & mengampuni si mati).
[Saheeh Muslim (948)]
- Namun, jika tidak mungkin 40 orang hadir karena peraturan, maka diharapkan mereka tetap memperoleh kebajikan tersebut dengan jumlah orang yang diizinkan hadir.
- Sekiranya mayat tidak boleh hadir semasa solat jenazah, kerana kuarantin atau larangan lain dan tidak ada yang menunaikan solat jenazah di atas jenazah, maka beberapa sarjana klasik telah membenarkan solat jenazah untuk dimakamkan tanpa badan.

[Saheeh Al-Bukhari (3877) & Saheeh Muslim (952)]

MAJLIS PENGEBUMIAN

Pengebumian

- Tidak ada jumlah minimum orang yang diperlukan untuk mengebumikan si mati, dari perspektif Islam. Selagi pengebumian dilakukan maka kewajiban itu telah dilaksanakan.

[Al-Ijmaa by Ibn Al-Mundhir (p. 52)]

- Penguburan lebih dari satu jenazah dalam satu kubur dibenarkan, apabila ada keperluan. Jelas ada contoh Rasulullah ﷺ melakukan ini, Oleh itu, jika anda melihat ini berlaku di tanah perkuburan, ketahui bahawa ia boleh / sah.

[Al-Majmoo' oleh An-Nawawi (5/247) & Saheeh Al-Bukhari (1343)]

- Ia tidak digalakkan untuk menggunakan keranda menurut pendapat ulama. Walau bagaimanapun, ia dibenarkan jika perlu.

[Mughni Al-Muhtaj (1/539)]

- Mayat harus diletakkan di dalam kubur mengiring atas sebelah kanannya, menghadap kiblat (arah ka'bah di Mekah).

[Al-Muhala by Ibn Hazm (5/173)]

Selepas pengebumian

- Rasulullah ﷺ bersabda: "Doakan keampunan untuk saudaramu dan mintalah kepada Allah agar dia tetap teguh (dalam menjawab pertanyaan kedua malaikat itu) kerana sekarang dia sedang disoal."

[Abu Dawood (3221) & disyahkan oleh An-Nawawi dalam Al-Majmoo (5/291)]

- At-Tarmizi berkata: "Solat jenazah dan membuat doa bagi almarhum setelah pengebumian adalah sejenis sokongan bagi mereka, kerana sekumpulan umat Islam yang melakukan solat jenazah adalah seperti tentera yang berkumpul di luar pintu Raja, memberi syafaat bagi pihaknya. Kemudian, dengan berdiri di kuburnya, memintanya untuk tetap tegas akan terus menyokong para tentera tersebut kerana ini adalah tempat di mana si mati berada, kerana dia sekarang berhadapan dengan kengerian situasi itu dan juga persoalan para malaikat. "

[Haashiyat Ar-Rawd by Ibn Al-Qassim (3/124)]

SELEPAS PENGEBUMIAN

Melawat tanah perkuburan

Doa sunnah semasa melawat tapak kubur

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لِلْآحِقُونَ ،
وَيَرْحَمُ اللَّهُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَأْخِرِينَ ، أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ

Assalaamu'alaykum 'ahlad-diyaari minal-mu'mineena walmuslimeen, wa 'innaa 'in shaa' Allaahu bikum lalaahiqoon, wa yarhamullaahul-mustaqdimeena minnaa walmusta'khireen, as'alul-laaha lanaa wa lakumul-'aafiyah

Assalamualaikum, Wahai penghuni kubur, orang-orang yang beriman dan yang beragama Islam. Kami pasti akan menyertai anda tidak lama lagi insya Allah. Semoga Allah merahmati orang-orang yang telah pergi dan mereka yang akan pergi. Saya meminta kepada Allah untuk memberikan kesejahteraan dan keselamatan kepada kita semua

[Sahih Muslim (974) & (975)]

"Assalamualaikum" di sini bermaksud perlindungan dari hukuman bagi penduduk kubur, kerana seseorang boleh dihukum di kubur walaupun jumlahnya sedikit. Oleh itu, apabila kamu meminta perlindungan kepada Allah, dia akan dilindungi.

[Sharh Al-Mumtī' (5/259)]

AYAT PENUTUP

'Jazakumullahu khairan' kerana sampai ke hujungnya. Kami berdoa agar kandungan buku kecil ini bermanfaat untuk anda sendiri dan orang tersayang. Sekiranya anda mempunyai komen, pembetulan atau pertanyaan mengenai kandungan di dalam buku kecil ini, sila e-mel kepada kami di info@spiritualantidote.com. Kami dengan senang hati akan mendengar anda. Kami juga dapat menyediakan versi cetak yang sesuai untuk buku ini di atas permintaan. Kami berdoa semoga Allah melindungi anda dan keluarga anda sepanjang ini. Semoga Allah merahmati semua orang yang telah meninggal dunia dan memasukkan mereka ke dalam Syurga. Semoga Dia mengampuni semua kekurangan kita dan menjadikan percubaan ini sebagai sebab untuk kita memperoleh kedekatan dan keredhaan-Nya. Ameen.